

08/03/2000

Malaysia diminta jadi orang tengah isu Aceh

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Selasa - Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur bersetuju supaya Malaysia menjadi orang tengah bagi menyelesaikan pertikaian antara Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan kerajaan Indonesia.

"Sebenarnya, Indonesia sudah meminta Malaysia menjadi orang tengah bagi menyelesaikan pertikaian itu dan Malaysia bersetuju untuk berbuat demikian," kata Ketua Masyarakat Aceh, Abdullah Puteh kepada akhbar Indonesian Observer.

Abdullah memetik Gus Dur sebagai berkata demikian ketika mengadakan pertemuan dengan 25 ketua masyarakat dari Aceh, di Istana Merdeka, semalam.

Ketua masyarakat Aceh mengemukakan hasil perbincangan mengenai simposium masa depan Aceh yang diadakan di sini, baru-baru ini, kepada Gus Dur.

Turut hadir ialah penganalisis politik Nazarudin Syamsudin dan Fakri Ali; pakar komunikasi, Bachtiar Ali dan bintang televisyen popular, Cut Keke.

Abdullah berkata, Gus Dur menyatakan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengarahkan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Joned untuk menjadi orang tengah bagi perundingan antara GAM dengan kerajaan Indonesia.

Gus Dur juga, katanya, bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan GAM tetap dalam konteks negara kesatuan republik Indonesia.

Kenyataan Gus Dur mengenai kesediaan Malaysia menjadi orang tengah menimbulkan tanda tanya kerana sebelum ini ia dibantah oleh seorang anggota Parlimen, Ade Kamaruddin.

Ade dipetik sebagai berkata, Indonesia tidak perlu campur tangan luar untuk menyelesaikan masalah wilayah yang kaya dengan minyak dan gas itu kerana ia boleh diselesaikan sendiri.

Bantahan beliau itu menimbulkan rasa kurang senang Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang menyatakan Malaysia tidak memandai-mandai mahu menjadi orang tengah kecuali jika diminta berbuat demikian.

Berikutan itu, Malaysia mengambil keputusan tidak mahu campur tangan dalam masalah Aceh kecuali diminta oleh Indonesia.

Pertikaian antara GAM dengan kerajaan Indonesia yang berlaku sejak sekian lama menyebabkan lebih 5,000 orang terbunuh.

(END)